

08 JAN 2003

Pengakap-Tiba

PENGAKAP DARI UNITED KINGDOM TAK SABAR JUMPA PM

KUALA LUMPUR, 8 Jan (Bernama) -- Bagi 150 pengakap remaja dari United Kingdom, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad merupakan seorang tokoh yang tidak asing lagi, tetapi mereka tidak pernah menduga akan memperolehi peluang bersemuka dengannya.

Jadi apabila remaja berumur antara 14 hingga 17 tahun itu diberitahu bahawa mereka akan bertemu dengan negarawan dan tokoh pemimpin dunia ketiga itu, mereka amat ghairah untuk mengenali beliau secara dekat.

Naib Setiausaha Kehormat Persaudaraan Pengakap Raja Malaysia Sharizad Husin berkata mereka merupakan kumpulan pertama 800 pengakap dari United Kingdom yang akan melawat Malaysia untuk bertemu Perdana Menteri Sabtu depan.

"Mereka amat gembira dan tidak sabar-sabar untuk jumpa Dr Mahathir. Sebelum ini mereka hanya mendengar mengenai kewibawaan Dr Mahathir sebagai seorang pemimpin negara yang membawa kemajuan kepada negara Malaysia, tapi sekarang mereka dapat berjumpa sendiri dengan beliau," katanya ketika dihubungi Bernama di sini hari ini.

Sharizad berkata remaja-remaja itu juga berpeluang berinteraksi dengan Perdana Menteri dalam pertemuan itu yang akan diadakan di Putrajaya.

Mereka tiba di sini kira-kira pukul 3 petang dari Thailand, selepas menghadiri Jambori Pengakap Sedunia ke-20 yang berlangsung di sana dari 28 Dis lepas dan berakhir hari ini.

"Di samping memperkenalkan negara kita kepada rakyat asing terutamanya pada golongan muda, program ini juga secara tidak langsung menunjukkan Malaysia adalah tempat yang selamat, bukan seperti dakwaan sesetengah pihak yang mengatakan negara ini tidak selamat untuk dilawati," katanya.

Beliau berkata kumpulan 800 pelajar itu akan tiba secara berperingkat dan akan mengikuti Program Keluarga Angkat melibatkan 100 keluarga angkat di Perak, Negeri Sembilan, Selangor, Melaka, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Pahang.

Mereka akan berada di negara ini sehingga 12 Jan depan.

"Kita juga sedang merangka program serupa untuk pengakap-pengakap dari Denmark dan negara Amerika Latin seperti Ecuador, Chile dan Peru," katanya.

Beliau berkata kedatangan kumpulan pengakap yang terdiri dari 476 pelajar lelaki dan 193 perempuan bersama kira-kira 79 ketua itu berikutan cadangan pihak kedutaan mereka di negara ini.

Ketua Pengakap Negara Tan Sri Datuk Amar Dr Sulaiman Daud dan Ketua Pesuruhjaya Pengakap Negara Datuk Hamidin Abdullah dijadualkan turut hadir dalam pertemuan dengan Perdana Menteri di samping Pesuruhjaya Tinggi British Bruce Cleghorn dan Kuasa Usaha Sweden Johan Borgstam.

-- BERNAMA

SHI ZS ROS